

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**HMT 322- Aspek-Aspek Teori Linguistik Am**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana **LIMA** soalan daripada **ENAM** soalan yang diberi.

1. Sumbangan teori linguistik Ferdinand de Saussure dalam *Cours de Linguistique Générale* (1916) dikatakan dapat difahami dengan lebih jelas lagi melalui beberapa dikotomi. Pilih mana-mana tiga (3) dikotomi dan cuba aplikasikan pengertiannya dalam data bahasa Malaysia.

[20 markah]

2. Jawab [a] dan mana-mana **DUA** yang lain.

- [a] Dengan data sebenar terangkan langkah-langkah utama untuk membuat analisis fonologi struktur sesuatu bahasa.

[8 markah]

- [b] Beri penglahiran kata [mĕnăpu] ‘menyapu’ dan [mĕnĕbom] ‘mengebom’ dalam fonologi generatif.

[6 markah]

- [c] Dengan contoh-contoh terangkan sama ada wujud atau tidak perubahan kosong dalam morfologi bahasa Malaysia?

[6 markah]

- [d] Bagaimanakah kita dapat membezakan antara kata-kata ‘sinonim’ berikut dalam bahasa Malaysia?

[i] junjung

[ii] angkat

[iii] pikul

[iv] kandar

[v] kepit

[vi] papah

[vii] dokong

[6 markah]

3. Jawab [a] DAN [b].

[a] Huraikan proses morfologi dalam bahasa Malaysia.

[10 markah]

[b] Bagi data A yang diberi di bawah:

[i] senaraikan semua morfem (terikat dan bebas) dan

[ii] berikan makna bagi setiap morfem.

[10 markah]

**Data A: Bahasa Malaysia/ Bahasa Indonesia**

[pəŋgunūŋ] 'orang menaiki gunung'	[lari] 'lari'
[bədəh] 'bodoh'	[hartawan] 'hartawan'
[pərkuburan] 'perkuburan'	[pənūlis] 'penulis'
[laot] 'laut'	[čuraj] 'curang'
[pəŋčuri] 'pencuri'	[kubur] 'kubur'
[kəčuraŋān] 'kecurangan'	[gunūŋ] 'gunung'
[baŋsa] 'bangsa'	[baŋsawan] 'bangsawan'
[wartawan] 'wartawan'	[layar] 'layar'
[lukis] 'lukis'	[lukisan] 'lukisan'
[pəlayaran] 'pelayaran'	[harta] 'harta'
[rimba] 'rimba'	[tulis] 'tulis'
[kəbədəhan] 'kebodohan'	[hukumān] 'hukuman'
[buru?] 'buruk'	[pəlari] 'pelari'
[ajaran] 'ajaran'	[pəlawat] 'pelawat'
[hukum] 'hukum'	[ajar] 'ajar'
[pənēmū"an] 'penemuan'	[pərimba] 'penghutan'
[čuri] 'curi'	[kəburukan] 'keburukan'
[təmū] 'temu'	[warta] 'berita'

Sumber: (Langacker: 1972)

4. Jawab [a] DAN [b].

[a] Bagi ayat-ayat [i-iii], jelaskan kegramatisan dan ketidakgramatisan ayat menurut Teori Teta dan Teori X-Berpalang.

- [i] \* Salmi meletakkan buku.
- [ii] \* Salmi meletakkan di atas meja.
- [iii] Salmi meletakkan buku itu di atas meja.

[ 8 markah]

[b] Lakarkan rajah pohon X- berpalang **DAN** kenal pasti komplemen, ajung, spesifier, dan kepala bagi ayat-ayat [i-iv] di bawah. Sertakan alasan dan hujahan sintaksis yang kukuh bagi setiap jawapan anda.

- [i] Daud akan berjalan dengan temannya.
- [ii] Bapa Siti menghadiahkan sebuah rumah kepada Siti.
- [iii] Kami terbeli buku yang salah untuk kelas HMT 322.
- [iv] Ali percaya Ani tidak bersalah sekarang.

[12 markah]

5. Jawab [a] DAN [b].

[a] Bagi ayat-ayat [i-iv] di bawah, tunjukkan langkah-langkah pergerakan-A yang terlibat dari Struktur-D ke Struktur-S jika ada dengan menggunakan rajah pohon. Bagi setiap jawapan, nyatakan dengan jelas fakta-fakta yang mendorong pergerakan-A tersebut dalam teori Prinsip & Parameter.

- [i] Aminah dimarahi oleh ayahnya.
- [ii] Aminah nampak marah.
- [iii] Aminah pasti ditangkap polis.
- [iv] Aminah cuba ditahan oleh polis.

[12 markah]

[b] Dengan menggunakan kurungan dan indeks tikas, tunjukkan derivasi bagi ayat [i] dan [ii] di bawah.

[i] Siapa yang akan Aminah panggil?

[ii] Siapa yang anda kata Aminah akan panggil?

[8 markah]

6. Jawab [a] DAN [b].

[a] Jelaskan perkaitan antara bahasa dan nahu di dalam Teori Prinsip & Parameter, dan dari aspek mana teori ini berlainan dengan pendekatan strukturalisme.

[10 markah]

[b] Idealisasi mengenai pengetahuan berbahasa dan kehadiran modul nahu yang berautonomi amat perlu dalam Teori Prinsip & Parameter. Jelaskan mengapakah ia demikian. Pada pendapat anda, adakah falsafah dan anggapan sebegini benar-benar memberi kita kefahaman sepenuhnya tentang kebolehan manusia berbahasa?

[10 markah]